

## Analisis Epistemologi Islam dalam *Fiqh* Keutamaan

### *Islamic Epistemological Analysis in Fiqh of Priority*

Nur Inani Ismail<sup>1</sup>, Wan Norhaniza Wan Hasan<sup>2</sup>

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
27 JAN 2019	25 FEB 2019	23 MEI 2019

#### ABSTRAK

*Fiqh* keutamaan merupakan *ijtihad* hukum yang telah dikeluarkan oleh fuqaha terdahulu seperti Imam al-Ghazali dan Ibn Taimiyah. Pada masa kini, ulama kontemporari telah mengeluarkan hukum berkenaan *fiqh* keutamaan berdasarkan fuqaha-fuqaha silam. Untuk membentuk hukum bagi *fiqh* keutamaan, perkara yang penting untuk penetapan hukum tersebut adalah dengan mengetahui epistemologinya terlebih dahulu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan analisis epistemologi Islam bagi *fiqh* keutamaan. Artikel ini menggunakan kaedah dokumen untuk mengenal pasti epistemologi *fiqh* keutamaan dan kaedah analisis kandungan kualitatif bagi menganalisis epistemologi Islam bagi *fiqh* keutamaan. Artikel ini akhirnya mendapati sumber bagi pembentukan ilmu *fiqh* keutamaan merupakan nas-nas yang qat'i daripada al-Qur'an dan sunah. *Fiqh* keutamaan dibentuk daripada *ijtihad* hukum. Evolusi *fiqh* keutamaan bermula daripada fuqaha-fuqaha silam sampai kepada ulama kontemporari pada hari ini dengan penemuan terhadap pelaksanaan hukum *fiqh* keutamaan yang dibincangkan dalam karya-karya yang dihasilkan oleh mereka.

**Kata Kunci:** *Fiqh*, *Fiqh* Keutamaan, Epistemologi, Epistemologi *Fiqh* keutamaan.

#### ABSTRACT

*Fiqh* Aulawiyat<sup>3</sup> refers to the legal *ijtihad* issued by previous scholars such as Imam al-Ghazali and Ibn Taimiyah. Nowadays, contemporary scholars have issued legal rulings on *fiqh* aulawiyat based on classical scholars' views. According to *fiqh* aulawiyat, in forming the law the most important thing in establishing the law is to know its epistemology first. Therefore, this study aims to discuss the analysis of Islamic epistemology for *fiqh* aulawiyat. This article uses a documentary method to identify the epistemology of *fiqh* aulawiyat and qualitative content analysis method for analyzing the Islamic epistemology for *fiqh* aulawiyat. This article eventually finds that the source for the creation of knowledge of the *fiqh* aulawiyat are based from the qat'i (specific and clear) verses of al-Qur'an and sunnah. *Fiqh* aulawiyat is formed from legal *ijtihad*. The evolution of the *fiqh* aulawiyat begins from the classical scholars up until contemporary scholars today with the discovery of the implementation of laws on *fiqh* aulawiyat discussed in the works produced by them.

**Keywords:** *Fiqh*, Priority *Fiqh*, Epistemology, Epistemology Priority *Fiqh*.

<sup>1</sup> Nur Inani Ismail, calon Ph.D Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, inani.usm@yahoo.com.

<sup>2</sup> Wan Norhaniza Wan Hasan, Ph.D, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, wanhaniza@usm.my.

<sup>3</sup> Loosely translated to mean prioritization (*Fiqh* of Prioritization) within the different ruling classes within the Islamic sciences of legal rulings (or *fiqh*). Since a direct translation that accurately and precisely portray the actual meaning of *fiqh* aulawiyat is found to be wanting at the moment, the author has chosen to remain using its Arabic terminology for the purpose of this abstract.

## Pengenalan

*Fiqh* membawa maksud *al-fahm* (kefahaman atau memahami) (Fahmi Abdul Khir, 2010:2). *Fiqh* merupakan pengetahuan dan kefahaman seseorang ke atas suruhan Allah SWT yang melibatkan akidah, akhlak dan amalan (Atikullah Abdullah, 2010:508). Perbincangan tentang *fiqh* terbahagi kepada banyak aspek yang terdiri daripada *fiqh* muamalat<sup>4</sup>, *fiqh* jinayat<sup>5</sup>, *fiqh* munakahat<sup>6</sup> dan banyak lagi.

Secara mudahnya, ilmu *fiqh* ini merangkumi keseluruhan aspek perjalanan aktiviti kehidupan manusia. Dalam menerapkan pelbagai aturan *fiqh* dalam aspek-aspek kehidupan, wujud satu lagi cabang perbincangan *fiqh* yang ditonjolkan oleh cendekiawan Islam iaitu Yusuf al-Qaradawiy. Beliau menengahkan disiplin ilmu *fiqh* keutamaan yang membolehkan penentuan keutamaan antara pelbagai faktor kehidupan dilakukan.

*Al-Awlawiyat*<sup>7</sup> (keutamaan) bermaksud lebih utama atau lebih penting. Gabungan perkataan antara *fiqh* dan keutamaan memberi makna memahami perkara-perkara yang utama dalam agama (Fahmi Abdul Khir, 2010:2). *Fiqh* keutamaan menurut Yusuf al-Qaradawiy (2009:1) ialah mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan mengikut syariat Islam. Sesuatu perkara yang sepatutnya didahulukan diutamakan mengikut pertimbangan keadilan. Ia melibatkan perbuatan, pemikiran, hukum hakam dan nilai-nilai akhlak mulia.

*Fiqh* keutamaan merupakan salah satu daripada cabang-cabang *fiqh*. *Fiqh* sentiasa berkembang bergantung mengikut keperluan semasa. Dalam menetapkan hukum *fiqh* khususnya untuk menetapkan keutamaan untuk sesuatu perkara, pemahaman terhadap epistemologi *fiqh* keutamaan itu sendiri perlu diutamakan. Hal ini penting untuk memberikan penjelasan yang lebih mendalam dalam memahami asal usul *fiqh* keutamaan. Oleh itu artikel ini berhasrat untuk mengkaji epistemologi Islam dalam *fiqh* keutamaan yang secara khususnya menganalisis epistemologi Islam untuk *fiqh* keutamaan.

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis epistemologi Islam bagi *fiqh* keutamaan. Sebagai permulaan, epistemologi bagi *fiqh* keutamaan dikenal pasti kemudiannya analisis dilakukan untuk menganalisis epistemologi Islam bagi *fiqh* keutamaan. Perbincangan dalam artikel ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu sumber ilmu, pembentukan dan evolusi bagi *fiqh* keutamaan. Seterusnya, epistemologi Islam bagi *fiqh* keutamaan dalam artikel ini dikenal pasti dan teori ilmunya menjadi satu sumber penting dalam cari gali ilmu Islam.

## Epistemologi *Fiqh* Keutamaan

Epistemologi (teori ilmu) merupakan pengkajian ilmu yang membahaskan berkenaan pengetahuan yang berfungsi untuk mempelajari asal usul, kaedah dan hakikat ilmu pengetahuan (Mohammad Fateh, 2013:9; Omar Hasan Kasule, 2009:1). Keyakinan

---

<sup>4</sup> *Fiqh* muamalat merupakan keputusan syariah berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan kewangan yang berubah dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan orang ramai berdasarkan syariah (Abdullaah Jalil, Asharaf Mohd Ramli & Syahidawati Shahwan, 2014).

<sup>5</sup> *Fiqh* jinayat merupakan undang-undang tentang jenayah. Wahbat al-Zuhailiy (2005) menyatakan dalam kitab jenayah *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh*, jenayah *hudud*, jenayah *qisas* dan jenayah *ta'zir* merupakan tiga jenis kesalahan jenayah yang disepakati oleh para fuqaha.

<sup>6</sup> *Fiqh* munakahat adalah hukum atau peraturan berkenaan dengan hal-hal perkahwinan (M. Dahlan R, 2015).

<sup>7</sup> *Al-Awlawiyat* merupakan perkataan asal bagi keutamaan dalam bahasa Arab. Penulisan ini akan menggunakan perkataan terjemahan iaitu keutamaan di sepanjang penulisan ini.

merupakan matlamat utama bagi mempelajari epistemologi sesuatu pengetahuan (Omar Hasan Kasule, 2009:1). Epistemologi juga merupakan salah satu daripada pecahan falsafah selain ontologi (teori hakikat/wujud) dan aksiologi (teori nilai) (Basri Husin, 2010:186). Epistemologi mengandungi tiga persoalan utama iaitu; i) apakah sumber ilmu pengetahuan tersebut?, ii) apakah sifat dasar ilmu pengetahuan tersebut? iii) bagaimana untuk mengetahui sama ada ilmu itu benar atau salah? (Mohammad Fateh, 2013:9). Oleh itu berpandukan tiga persoalan tersebut, untuk memahami epistemologi *fiqh* keutamaan, persoalan-persoalan ini dijawab. *Fiqh* keutamaan dalam artikel ini membincangkan sumber, pembentukan, evolusi dan analisis epistemologi bagi *fiqh* keutamaan.

### a) Sumber Ilmu *Fiqh* Keutamaan

Pada masa ini, *fiqh* keutamaan ditonjolkan oleh Yusuf al-Qaradawiy. *Fiqh* keutamaan bukanlah sesuatu yang baru. Ia pernah digunakan oleh fuqaha terdahulu namun tidak tersusun secara sistematik atau tidak dibukukan secara langsung. *Fiqh* keutamaan merupakan salah satu daripada *fiqh-fiqh*<sup>8</sup> yang ada pada masa kini. *Fiqh* itu sendiri merupakan suatu kefahaman yang mendalam oleh para fuqaha Islam berteraskan nas-nas yang terperinci yang relevan dengan kehidupan manusia. Akar umbi *fiqh* Islam merupakan dalil-dalil yang berasaskan nas-nas syarak. *Fiqh* tidak dibina berasaskan sentimen, kepentingan diri, kumpulan atau tempat mahupun suasana (Atikullah Abdullah, 2010:513).

*Fiqh* Islam dibina berdasarkan pemikiran para fuqaha silam. Hal ini kerana *fiqh* yang dibina oleh para fuqaha terdahulu merupakan yang terbaik dan meletakkan sumber wahyu di tangga yang utama. Namun, jika memerlukan perubahan ia tidak boleh bercanggah dengan ketetapan nas (Atikullah Abdullah, 2010:517). Sehubungan itu, *fiqh* keutamaan juga terbentuk daripada fuqaha silam antaranya seperti Imam al-Ghazali, Imam Ibn Taimiyah dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (Yusuf al-Qaradawiy, 2009). Fuqaha-fuqaha ini mengeluarkan hukum terhadap keutamaan berlandaskan wahyu Ilahi yang memberikan panduan kepada akal fikiran manusia (Yusuf al-Qaradawiy, 2009:1). Walau bagaimanapun, *fiqh* keutamaan yang dibentuk daripada sumber wahyu iaitu proses *istinbath* melalui kaedah-kaedah *usul fiqh* (asas *fiqh*) dan kaedah *fiqh* (*qawa'id fiqhiyyah*) (Nizaita Omar & Zulkifly Muda, 2014:77) yang akhirnya membentuk ijtihad hukum bagi *fiqh* keutamaan. Oleh itu, kaedah *istinbath* ini merupakan kesungguhan berfikir yang dilakukan oleh para ulama dalam mengeluarkan hukum bagi *fiqh* keutamaan dengan menggunakan nas-nas yang relevan dengan hukum tersebut (Atikullah Abdullah, 2010:513). Justeru itu, sumber bagi *fiqh* keutamaan ini merupakan sumber *naqli* (wahyu)<sup>9</sup> dan sumber '*aqli* (ijtihad)<sup>10</sup>. *Fiqh* keutamaan juga berhubung rapat dengan *fiqh* al-nusus (*fiqh* nas al-Qur'an dan sunah), *fiqh* pertimbangan (*fiqh* al-muwazanat) dan *fiqh* al-maqasid (maksud syari'at ilmu *fiqh* (Yusuf al-Qaradawiy, 2009:37).

Antara hukum dalam *fiqh* keutamaan yang bersumberkan al-Qur'an merupakan keutamaan kualiti terhadap kuantiti. Jumlah ukuran terhadap sesuatu kerja atau perkara ialah terhadap kualiti dan bukan kuantiti. Ia tidak diukur dengan bilangan yang banyak ataupun

---

<sup>8</sup> Antara *fiqh-fiqh* yang ada pada masa kini selain daripada *fiqh* keutamaan ialah *fiqh* al-maqasid (maksud syariat ilmu *fiqh*), *fiqh* al-nusus (*fiqh* nas, al-Qur'an dan sunah).

<sup>9</sup> Sumber *naqli* merupakan sumber wahyu yang dibacakan dan hadis iaitu wahyu yang tidak dibacakan. Sumber *naqli* ini merupakan kebenaran yang tidak boleh dipersoalkan (Mohd Shukri Hanapi, 2014:37).

<sup>10</sup> Sumber '*aqli* merupakan sumber yang telah disepakati oleh ulama melalui al-ijma' dan qiyas. Ianya merupakan sumber yang diperoleh daripada kesungguhan berfikir (Mohd Shukri Hanapi, 2014:37).

besar (Yusuf al-Qaradawiy, 2009:41). Antara ayat-ayat al-Qur'an yang dirujuk berkenaan dengan perkara ini adalah, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai Nabi, bangkitkanlah semangat jihad kaum Mu'minin untuk berperang. Apabila ada dua puluh orang yang sabar dalam kalangan kamu, nescaya mereka boleh mengalahkan dua ratus orang musuh. Dan jika ada seratus orang (yang sabar) dalam kalangan kamu, mereka dapat mengalahkan seribu orang daripada orang-orang kafir, disebabkan orang-orang kafir itu kaum yang tidak mengerti.” (Surah al-Anfal: 65)

Tafsiran ayat oleh Hamka (1985a: 50) bagi surah al-Anfal ayat ke-65 ini menjelaskan bahawa yang utama dalam peperangan merupakan kefahaman dan semangat yang tinggi dalam perjuangan iaitu keteguhan iman dan semangat. Semangat juang yang tinggi sahaja tidak mencukupi, namun strategi perang, peralatan yang mencukupi perlu ada untuk berperang dengan pihak musuh yang lebih ramai jumlahnya (Hamka, 1985a:50). Tafsiran ayat daripada surah ini jelas menunjukkan bahawa kualiti itu lebih penting daripada kuantiti, kualiti dari sudut keimanan, semangat serta strategi dan peralatan yang cukup diutamakan daripada bilangan. Antara surah-surah lain yang merujuk kepada keutamaan kualiti ke atas kuantiti merupakan surah al-Anfal ayat 66, al-Zumar ayat 17-18, al-Maun ayat 4-6, al'Ankabut ayat 63, al-'Araf ayat 187, Hud ayat 17, al-Baqarah ayat 243, al- An'am ayat 116, al-Anfal ayat 26. Antara hadis-hadis Nabi yang merujuk kepada perkara ini pula merupakan hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari Abdullah Ibn Umar, hadis riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud dari Thauban r.a, hadis riwayat Imam Muslim dari Shidad Ibn Aus r.a, hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah r.a, hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari Umar Ibn al-Khattab r.a (Yusuf al-Qaradawiy, 2009).

Selain keutamaan terhadap kualiti dan kuantiti, menurut (Yusuf al-Qaradawiy, 2009). *fiqh* keutamaan yang bersumberkan al-Qur'an juga menekankan keutamaan kefahaman ke atas semata-mata hafalan. Ia merupakan keutamaan *al-maqasid* (tujuan atau inti pati sebenar daripada ayat yang datang daripada Allah SWT) ke atas *al-zawahir* (pengertian dan kefahaman yang zahir tanpa melihat kepada inti pati dan tujuan tersembunyi di sebalik ayat tersebut), keutamaan *ijtihad* ke atas *taqlid* (mengikut-ikut), keutamaan perancangan dan pengkajian strategik bagi urusan-urusan dunia, keutamaan dalam pandangan-pandangan *fiqh* dan pemisahan antara *qat'i* dan *zanni*. Contoh ayat al-Qur'an yang merujuk kepada keutamaan *ijtihad* ke atas *taqlid* adalah, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan janganlah engkau menurut saja dalam hal yang tidak ada bagi engkau pengetahuan padanya. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan dan hati tiap-tiap satu daripadanya itu akan ditanya.” (Surah al-Isra', 15:36)

Tafsiran Hamka (1985b) bagi surah al-Isra' ayat 36 ayat ini menjelaskan orang Muslim perlu menyelidiki terlebih dahulu sesuatu perkara sebelum mengikuti sesuatu perkara terhadap semua perkara termasuk bagi perkara yang kita tidak melihat dan mendengarnya sendiri. Menurut tafsiran beliau lagi, manusia diberikan hati atau akal atau fikiran untuk mempertimbangkan perkara yang buruk dan yang baik. Oleh itu, pertimbangan yang sewajarnya perlu dilakukan sebelum mengikuti sesuatu perkara. Antara surah lain yang menerangkan perkara ini merupakan surah al-Taubah ayat 122, al-'Isra' ayat 36, al-Ma'idah ayat 90. Bagi hadis pula, hadis riwayat Abu Hurairah r.a, hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari Abu Musa al-Ash'ari (Yusuf al-Qaradawiy, 2009).

Seterusnya, dalam *fiqh* keutamaan berkenaan keutamaan dalam bidang fatwa dan dakwah, meliputi keutamaan memberikan keringanan dan kemudahan ke atas sikap memberatkan dan menyusahkan. Keutamaan dalam bidang amal perbuatan iaitu keutamaan amal yang berkesinambungan ke atas amal yang terputus-putus, keutamaan amalan yang memberikan manfaat kepada orang ramai daripada amalan yang memberikan manfaat untuk diri sendiri sahaja, keutamaan amal yang lebih lama dan panjang kegunaan dan manfaatnya ke atas selainnya dan keutamaan amalan hati ke atas amalan badan (Yusuf al-Qaradawiy, 2009). Antara surah dan hadis yang merujuk kepada perkara ini merupakan, al-Taubah ayat 19-20, al-Bayyinah ayat 5, al-Hajj ayat 32, Qaf ayat 31-33, hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari 'Aishah, hadis riwayat Imam Ahmad, al-Hakim dan Baihaqi daripada Buraidah r.a, hadis riwayat Imam al-Tabrani, hadis riwayat Imam al-Bazzar, Imam al-Tabrani dan Imam al-Hakim dari Hudhaifah Ibn Yaman r.a.

Selain itu, *fiqh* keutamaan juga menekankan keutamaan terhadap perkara-perkara yang diperintahkan Allah SWT iaitu keutamaan *usul* (asas) ke atas *furu* (cabang), keutamaan ke atas amalan fardu ke atas amalan sunah, keutamaan fardu ain ke atas fardu kifayah, keutamaan hak-hak manusia ke atas semata-mata hak Allah SWT, keutamaan hak-hak jemaah ke atas hak-hak individu. Keutamaan dalam bidang pembaharuan masyarakat pula merangkumi perubahan mentaliti sebelum perubahan organisasi. Antara ayat-al-Qur'an dan hadis yang menerangkan berkenaan perkara-perkara ini merupakan al-Nisa' ayat 136, al-Nur ayat 39, al-Ma'idah ayat 55-56, al-Ma'idah ayat 8, al-Ra'ad ayat 11, al-Furqan ayat 32-33, al-Asr ayat 13, al-Muzammil ayat 1-5, al-Nisa' ayat 77, hadis Muttafaq Alayh dari Abu Musa al-Ash'ari r.a, hadis riwayat Imam Ahmad Ibn Hanbal, hadis riwayat Imam Ahmad Ibn Hanbal dan Ashab Kutub al-Sittah daripada Abu Musa al-Ash'ari.

*Fiqh* keutamaan merupakan dasar pemikiran berkenaan nilai akhlak mulia, hukum-hakam, perbuatan dan kewajipan agama secara berperingkat dan berbeza urutannya. Semua perkara tidak berada dalam peringkat yang sama. Pembahagiannya, ada yang besar, penting serta utama dan ada yang kecil, ringan, kurang penting dan kurang utama (Yusuf al-Qaradawiy, 2009:2).

## **b) Pembentukan *Fiqh* Keutamaan**

*Fiqh* keutamaan merupakan suatu bentuk ijtihad hukum. Ijtihad secara istilah merupakan keupayaan mengeluarkan hukum yang telah ada sejak zaman Rasulullah SAW. Para sahabat serta para *tabi'in* telah melaksanakan ijtihad hukum sehingga sekarang. Ijtihad yang baru tidak merubah hukum ijtihad yang lama (Abd Wafi Has, 2013:89). Pada asalnya ijtihad hukum merupakan hasil daripada perbincangan dalam *usul fiqh*. Untuk mengeluarkan ijtihad hukum bagi *fiqh* keutamaan, ia di *istinbath* melalui dua kaedah iaitu kaedah *usul fiqh* dan kaedah *fiqh* (Nizaita Omar dan Zulkifly Muda, 2014:77).

Bagi kaedah pembentukan *fiqh* keutamaan melalui *istinbath* hukum dengan kaedah *usul fiqh*, ia merupakan kefahaman terhadap dalil-dalil *fiqh* berserta cara dan kaedah mengeluarkan hukum *fiqh* atau ijtihad bagi ulama (Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2012:3). Kaedah ini melibatkan pemilihan dalil-dalil atau sumber hukum yang disepakati dalam kalangan ulama yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dalil *qat'i* dan dalil *zanni*. Menurut Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, (2012) dalil *qat'i* dibahagikan kepada al-Qur'an, sunah, *ijmak* dan *qiyas* dan dalil-dalil *zanni* dibahagikan kepada *istihsan* (mencari yang lebih baik), *marsalah mursalah* (kebaikan atau kemaslahatan), *sadd al-dhari'ah* (menutup sesuatu yang cacat atau rosak) dan *istishab* (menyertai atau menemani).

Kaedah ini akhirnya membentuk ijtihad yang merupakan curahan segala kesungguhan dan ikhtiar oleh ulama-ulama dalam usaha *istinbath* hukum daripada dalil-dalil syarak (Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2012).

Kaedah *fiqh* pula merupakan dasar-dasar atau prinsip-prinsip yang berkaitan hukum yang memudahkan *istinbath* dilakukan. Ia melibatkan kaedah *kulliyah* (asas), kaedah *juz'iyah* (terbitan) dan kaedah diperselisihkan (Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2012:269-270). Kaedah *kulliyah* terdiri daripada lima kaedah yang disepakati oleh ulama *fiqh* iaitu setiap perkara dinilai berdasarkan tujuan dan niat, keyakinan tidak dihilangkan dengan keraguan, kemudaratan mesti dihapuskan, kesukaran membawa kemudahan dan adat diguna pakai dalam memutuskan hukum (Nur 'Abd Judli dlm Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2012:269). Kaedah *juz'iyah* pula merupakan kaedah yang terbentuk daripada kaedah *kulliyah* iaitu antaranya ijtihad tidak dibatalkan oleh ijtihad (Khalid Ramadan Hasan, 1998 dlm. Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2012:269). Oleh itu, pembentukan bagi *fiqh* keutamaan adalah melalui ijtihad hukum yang melalui proses *istinbath* untuk menjelaskan keutamaan-keutamaan berdasarkan syariat Islam (Yusuf al-Qaradawiy, 2009).

Konsep bagi *fiqh* keutamaan selari dengan *fiqh maqasid*. Kedua-duanya bertujuan bagi mencapai kebaikan dan menghindari daripada kemudaratan dengan pensyarian hukum. Tujuannya, untuk memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Fahmi Abdul Khir, 2010:3-5). Menurut Yusuf al-Qaradawiy (2009), *fiqh* keutamaan diperlukan untuk membetulkan kefahaman-kefahaman terhadap keutamaan. Beliau melakukan ijtihad bagi *fiqh* ini untuk membantu para pejuang Islam dalam meletakkan perkara yang sepatutnya diutamakan pada peringkat yang benar. Beliau juga menjelaskan, *fiqh* keutamaan bertujuan membetulkan pandangan-pandangan masyarakat semasa terhadap sikap keras dan berat dan juga pandangan yang meringan-ringankan tugas dan kewajipan yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.

### c) Evolusi *Fiqh* Keutamaan

*Fiqh* keutamaan merupakan cetusan para ulama kontemporari berkenaan teori keutamaan dalam agama. Ia merupakan kesinambungan *maqasid al-syari'at* yang diperkenalkan oleh al-Imam Syatibiy. *Maqasid al-syari'at* menggariskan keutamaan dalam agama berkenaan dengan *dharuriyatt*, *hajiyyat* dan *tahsiniat* (Fahmi Abdul Khir, 2010:2). Walau bagaimanapun, ulama-ulama terdahulu sebenarnya telah memberikan perhatian terhadap *fiqh* keutamaan sebelum ini. Antara ulama tersebut merupakan Imam al-Ghazali, Imam al-Raghib al-Asfahani, Imam Abu al-Farj Ibn al-Jawzi, Ibn Jawzi, Imam Izz al-Din Ibn Abdul al-Salam, Imam Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (Yusuf al-Qaradawiy, 2009).

Menurut Yusuf al-Qaradawiy (2009), antara ulama-ulama tersebut, ada yang mengemukakan *fiqh* keutamaan dalam bentuk karya-karya seperti *Talbis al-Iblis* (Bisikan Iblis yang Menyesatkan), *Sayd al-Khatir* (Perangkap Perasaan) dan *Dhamm al-Hawa* (Hawa Nafsu yang Tercela). Karya-karya ini dihasilkan oleh Abu al-Farj al-Jawzi. Ibn Jawzi pula menghasilkan karya seperti *al-Mauduat* (Hadis-hadis Maudu') dan *al-ilal al-Mutahaniyah fi al-Ahadith al-Wahiyah* (Untaian Kekeliruan di dalam Hadis-hadis yang tidak berasas). Imam Izz al-Sin Ibn Abdul al-Salam dengan karya *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam* (Kaedah-kaedah Hukum untuk Maslahat Manusia). Ibn Taymiyyah pula dengan karya *Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyyah* (Keutamaan Tugas-tugas Gerakan Islam). Seterusnya, Imam al-


Ghazali memberi perhatian terhadap *fiqh* keutamaan dalam kitab *Ihya' Ulu mal-Din* (Basri Ibrahim et al., 2016).

Ulama-ulama tersebut telah memberikan perhatian secara langsung bagi *fiqh* keutamaan dalam pemikiran mereka yang telah diterjemahkan dalam bentuk karya-karya. Sebenarnya setelah mereka, *fiqh* keutamaan juga wujud pada pandangan para pejuang pembaharuan pada era moden seperti Imam Muhammad Ibn Abdul Wahab, Sheikh Muhammad Ahmad al-Mahdi, Sayid Jamaluddin al-Afgani, Imam Muhammad Abduh, Imam Hassan al-Banna, Imam Sayid Abul Ala al-Maududi, Sayid Qutb, Muhammad al-Mubarak, dan Muhammad al-Ghazali (Yusuf al-Qaradawiy, 2009).

Pada masa kini, Yusuf al-Qaradawiy memperkenalkan *fiqh* keutamaan yang pada mulanya memperkenalkan *fiqh* keutamaan dengan nama *fiqh* tangga perbuatan (Yusuf al-Qaradawiy, 2009:1) atau *fiqh* urutan pekerjaan (Yusuf al-Qaradawiy, 2014:3). Beliau menulis kitab yang bertajuk *As-Shahwah Al-Islamiyyah baina Al-Juhud wa At-Tathorruf* (Kesedaran Islam antara Kesungguhan dan Melampau) dalam bab *Fiqh Maratib Al-'Amal* atau *Fiqh Susunan Gerak Kerja*

Rajah 1 menunjukkan sumber ilmu, pembentukan dan evolusi *fiqh* keutamaan yang telah dibincangkan sebelumnya. Untuk penetapan hukum bagi *fiqh* keutamaan, sumber ilmu bagi *fiqh* keutamaan merupakan nas-nas *qat'i* daripada al-Qur'an. Pemilihan penetapan hukum tersebut memerlukan kepada penilaian mafsadah dan *maslahat*. Kemudian, pembentukannya adalah melalui *istinbath* hukum yang dilakukan oleh ulama-ulama untuk melakukan ijtihad hukum bagi *fiqh* keutamaan. Seterusnya, evolusi *fiqh* keutamaan pada masa kini mengambil kira pandangan fuqaha-fuqaha terdahulu untuk disesuaikan dengan keperluan masyarakat semasa.

Rajah 1: Sumber Ilmu, Pembentukan dan Evolusi Bagi *Fiqh* Keutamaan




Sumber: Diolah daripada Nizaita Omar & Zulkifly Muda (2014), Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali@Mat Zin (2012) dan Yusuf al-Qaradawiy (2009)

### Analisis Epistemologi Islam bagi *Fiqh* Keutamaan

Ulama bersepakat dalam Islam bahawa al-Qur'an dan sunah merupakan sumber ilmu yang utama dan akal fikiran merupakan alat untuk memahaminya (Nasrah, 2005:8). Sumber-sumber ilmu bagi epistemologi Islam terbahagi kepada empat bahagian yang melibatkan pancaindera, akal fikiran yang sihat, berita yang benar dan ilham (Basri Husin, 2009:199). Berita yang benar merupakan kebenaran mutlak yang merupakan sumber ilmu yang utama dalam Islam iaitu al-Qur'an yang membawa kepada keyakinan (Basri Husin, 2009:201). Sumber-sumber dalam *fiqh* keutamaan ilmu terdiri daripada dalil *naqli* iaitu wahyu dan dalil *'aqli* yang merupakan ijtihad. Wahyu meliputi wahyu yang dibacakan dan wahyu yang tidak dibacakan iaitu hadis (Mohd Shukri Hanapi, 2012).

Rajah 2: Sumber Ilmu *Fiqh* Keutamaan



Sumber: Diolah daripada Nasrah (2005), Basri Husin (2009), Yusuf al-Qaradawiy (2009) dan Mohd Shukri Hanapi (2012)


Rajah 2 menunjukkan sumber-sumber ilmu bagi *fiqh* keutamaan yang terbahagi kepada dalil *naqli* dan dalil *'aqli*. Oleh itu, fuqaha-fuqaha yang menetapkan hukum dalam *fiqh* keutamaan bersumberkan ilmu yang sebenar dalam Islam iaitu dalil-dalil *naqli* yang merupakan ilmu nadhari (ilmu yang dikurniakan oleh Allah SWT melalui al-Qur'an dan hadis) (Muhammad Syukri Salleh, 2010:8). Sumber bagi *fiqh* keutamaan berlandaskan nas-nas yang telah diperolehi daripada sumber ilmu utama iaitu al-Qur'an dan sunah ini tidak diragukan dan merupakan kebenaran yang akan membawa kepada keyakinan (Basri Husin, 2009:201).

Wahyu merupakan sumber kepada intelek bagi penyucian kepada hawa dan kelalaian dan sumber ilmu yang sebenar bersumberkan zikir dan petunjuk. (Syed Muhamad Dawilah al-Edrus, 1993:85). Oleh itu, bagi *fiqh* keutamaan yang merupakan sumber hukum dalam Islam ia tidak boleh bertentangan dengan wahyu dan sunah yang merupakan sumber yang perlu diamati untuk penyucian kepada intelek yang jelas dan bebas daripada hawa. Sumber-sumber bagi pemilihan hukum bagi *fiqh* keutamaan perlu dilakukan secara adil dan tepat. Kemudian, dinilai, dikritik secara luaran dan dalaman bagi menentukan ketulenan dan keaslian sumber yang diperolehi serta kemunasabahan dan kewarasan isi kandungan bagi sumber-sumber tersebut (Che Cob Che Mat, 1996 dlm. Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., 2009:53).

Sumber-sumber ilmu tersebut juga tidak boleh menyalahi nas-nas yang ditetapkan secara *qat'i* oleh al-Qur'an dan sunah. Menurut Basri Husin (2009:196) matlamat akhir epistemologi merupakan *'ilm al-yaqin* iaitu ia menekankan konsep bagi sesuatu secara benar yang mutlak. Beliau juga menyatakan dengan *'ilm al-yaqin*, sesuatu ilmu itu tidak ada sebarang unsur kekeliruan, kesalahan dan kesamaran yang akan membatalkan ciri-ciri ilmu tersebut. Oleh itu, *fiqh* keutamaan yang bersumberkan dalil *naqli* merupakan ilmu yang benar.

Bagi proses pembentukan *fiqh* keutamaan, ia melibatkan dalil-dalil 'aqli. Sehubungan itu, penilaian terhadap sesuatu hukum memerlukan pemahaman yang mendalam setelah gerak kerja dalam jangka masa yang panjang dilakukan, *faqiha* (pemahaman) merupakan konsep yang berkaitan dengan fikir. Menurut Syaifuddin (2011) terdapat tiga unsur yang penting untuk memenuhi keperluan tersebut. Pertama, menguasai makna dan juga arah tuju untuk sesuatu *fiqh* yang dilahirkan. Kedua, memahami dengan baik adalah penting untuk *fiqh* tersebut tidak bercanggah dengan syariat dan sesuai dengan *maslahat* (kebaikan) bagi ummah. Ketiga, makna pembinaan *fiqh* yang terhasil adalah berlandaskan realiti. Rajah 3 menunjukkan kedudukan fikir dari sudut *fiqh* keutamaan.

Rajah 3: Kedudukan Fikir dari Sudut *Fiqh* Keutamaan




Sumber: Diolah daripada Syaifuddin (2011)

Pemahaman yang terbentuk untuk pembentukan *fiqh* keutamaan dibahagikan kepada dua pemahaman. Pertama, pemahaman *syar'i* dan kedua, pemahaman realiti (Syaifuddin, 2009:45). Menurut beliau, pemahaman *syar'i* melibatkan kemaslahatan *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Manakala pemahaman realiti berkenaan dengan pemahaman yang tepat dengan permasalahan yang sedang dikaji. Beliau menjelaskan lagi bahawa seorang ahli *fiqh* perlu membuat pertimbangan antara *maslahat* dan mafsadah dalam mengeluarkan sesuatu hukum.

Setelah keperluan *maslahat* dan mafsadah diambil kira, *istinbath* hukum dilakukan. *Istinbath* merupakan keupayaan seseorang ahli *fiqh* dalam menggali dan mengeluarkan hukum berdasarkan sumber-sumber yang tepat. Setelah *istinbath* dilakukan, *fiqh* keutamaan diperoleh daripada ahli-ahli *fiqh* yang diiktiraf kefaqihannya yang dinamakan sebagai ijtihad hukum. Ijtihad merupakan kerahan fikiran daripada seseorang mujtahid berserta dengan kesungguhannya untuk memperoleh hukum-hukum berlandaskan syarak yang bertepatan dengan *maslahat* melalui jalan *istinbath* (Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @Mat Zin, 2012:182-183).

Rajah 4: Pembentukan *Fiqh* Keutamaan



Sumber: Diolah daripada Nizaita Omar & Zulkifly Muda (2014), Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali@Mat Zin (2012) Atikullah Abdullah, 2010 dan Yusuf al-Qaradawiy (2009)

Rajah 4 menunjukkan proses pembentukan *fiqh* keutamaan berdasarkan pemikiran para fuqaha melalui *istinbath* hukum. *Istinbath* hukum melalui dua kaedah iaitu *usul fiqh* dan kaedah *fiqh* sebelum *ijtihad* dilakukan. Bagi pembentukan ini, akal memainkan peranan yang penting. Mengikut syariah Islam, penggunaan akal tidak dinafikan sebagai sumber ilmu bagi penentuan hukum berdasarkan sumber wahyu (Basri Husin, 2009:201). Bagi *fiqh* keutamaan, *ijtihad* merupakan peranan fuqaha dalam menggunakan akal bagi penentuan hukum iaitu dalam menetapkan *ijtihad* bagi *fiqh* keutamaan. Walau bagaimanapun, fungsi akal ini berhubungan dengan wahyu. Wahyu melindungi akal daripada kesalahan dan akal tidak dapat memahami sesuatu perkara dengan benar tanpa wahyu (Omar Hasan Kasule, 2009:2). Oleh itu, penggunaan akal bagi pembentukan hukum bagi *fiqh* keutamaan merupakan pembentukan yang benar apabila ia berhubungan dengan sumber ilmu Islam yang utama iaitu wahyu.

Berhubungan dengan evolusi bagi *fiqh* keutamaan, *ijtihad* bagi *fiqh* keutamaan secara evolusinya tidak dibincangkan secara langsung dalam kalangan ulama-ulama terdahulu. Namun, kesedaran terhadap *fiqh* ini telah wujud. Perkembangan *fiqh* keutamaan ini boleh dilihat melalui kitab-kitab karangan mereka yang meletakkan keutamaan terhadap sesuatu perkara. Contohnya, Abu al-Farj al-Jawzi dalam karya-karya seperti *Talbis al-Iblis* (Bisikan

Iblis yang Menyesatkan), *Sayd al-Khatir* (Perangkap Perasaan) dan *Dhamm al-Hawa* (Hawa Nafsu yang Tercela). Ada juga yang menyatakan keutamaan secara langsung seperti Ibn Taimiyyah, namun fokusnya kepada keutamaan tugas-tugas gerakan Islam (*Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyyah*).

Antara mujtahid yang membukukan *fiqh* keutamaan secara langsung ialah Yusuf al-Qaradawiy. Beliau merupakan seorang mujtahid kontemporari yang hidup pada masa kini. Karyanya tidak lepas daripada merujuk kepada fuqaha-fuqaha silam dalam menjelaskan *fiqh* keutamaan dan juga melihat kepada perjuangan *fiqh* keutamaan mengikut pandangan pejuang-pejuang Islam antaranya seperti Hassan al-Banna dan Sayid Qutb. Yusuf al-Qaradawiy juga menjelaskan *fiqh* keutamaan yang melibatkan hubungan *fiqh* keutamaan dengan *fiqh-fiqh* lain, keutamaan kualiti ke atas kuantiti, keutamaan kefahaman ke atas hafalan, keutamaan dalam bidang fatwa dan dakwah, keutamaan dalam bidang amal perbuatan, keutamaan terhadap perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan dilarang Allah SWT, keutamaan dalam pembaharuan masyarakat dan *fiqh* keutamaan dalam ilmu warisan Islam (Yusuf al-Qaradawiy, 2009).

Berdasarkan penelitian, Yusuf al-Qaradawiy telah menghasilkan karya-karya *fiqh* yang mengambil kira pandangan ulama-ulama terdahulu dan disesuaikan dengan keadaan masa kini. *Fiqh* yang dihasilkan juga perlu mengambil kira ketetapan-ketetapan nas-nas yang betul dan mengikut sumber serta pembentukan yang sewajarnya. *Fiqh* keutamaan sebenarnya telah wujud dalam kitab-kitab klasik dan ia telah di *istibathkan* melalui kaedah *usul fiqh* dan kaedah *fiqh* (Nizaita Omar & Zulkifly Muda, 2014:77) yang berlandaskan syariat Islam.

Justeru itu, sumber ilmu dan pembentukan bagi *fiqh* keutamaan merupakan proses ilmu yang benar yang bersumberkan ilmu Islam. Perkembangannya juga tidak terpisah daripada rujukan ulama-ulama kini yang terus merujuk fuqaha-fuqaha terdahulu dalam penetapan hukum.

## Kesimpulan

*Fiqh* merupakan satu disiplin pengetahuan dalam Islam yang melibatkan akidah, akhlak dan amalan. Ilmu *fiqh* secara keseluruhannya merangkumi kesemua aspek perjalanan aktiviti kehidupan manusia. Atas sebab itu, ilmu *fiqh* digunakan sebagai landasan bagi pelbagai perbincangan ilmu moden pada masa ini seperti disiplin pembangunan, ekonomi, perundangan dan pelbagai lagi disiplin ilmu kemanusiaan. Salah satu pendekatan dalam ilmu *fiqh* yang dapat diaplikasikan dalam disiplin ilmu moden ini ialah *fiqh* keutamaan sebagaimana yang telah dibincangkan dalam artikel ini. *Fiqh* keutamaan dibentuk daripada ijtihad hukum. Evolusi *fiqh* keutamaan bermula daripada fuqaha silam sampai kepada ulama kontemporari pada hari ini dengan penemuan terhadap pelaksanaan hukum *fiqh* keutamaan. Berdasarkan karya para cendekiawan Islam, artikel ini telah menganalisis epistemologi *fiqh* keutamaan dengan meneliti sumber pembentukan cabang ilmu ini serta evolusi yang berlaku dalam wacana berhubung *fiqh* keutamaan. Berdasarkan penelitian, didapati bahawa sumber ilmu bagi *fiqh* keutamaan meliputi sumber dalil *naqli* yang melibatkan wahyu melalui al-Qur'an dan hadith serta dalil '*aqli* yang melibatkan ijtihad ulama. Dapatan ini menunjukkan ciri kelenturan yang wujud dalam cabang ilmu *fiqh* keutamaan dan keupayaannya untuk diadaptasi dengan keperluan masa ini. Hasil perbincangan dalam artikel ini juga dapat menunjukkan bahawa *fiqh* keutamaan boleh dan sesuai untuk digunakan antaranya dalam menilai keutamaan aspek pembangunan khususnya dalam membentuk dan mengukur

pembangunan berteraskan Islam agar pembangunan berteraskan Islam ini bersifat praktis dan lestari

## Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian di bawah pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2017/SSII0/USM/02/1; ID:188290-207709) seliaan Universiti Sains Malaysia C203.CISDEV.6711595. Kajian dilakukan untuk mengkaji dengan lebih mendalam *fiqh* keutamaan bagi meletakkan keutamaan terhadap pemberat bagi Indeks Pembangunan berteraskan Islam.

## Rujukan

### *Buku*

Abdullaah Jalil, Asharaf Mohd Ramli & Syahidawati Shahwan. (2014). *The introductory theories of fiqh muamalat*. Nilai, Negeri Sembilan: Wisdom Publication.

Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. 1985a. *Tafsir al-Azhar (Jilid 4)*. Jakarta: Pustaka Panjimas.

Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. 1985b. *Tafsir al-Azhar (Jilid 5)*. Jakarta: Pustaka Panjimas.

M. Dahlan R. (2015). *Fikih munakahat*. Yokyakarta, Indonesia: Deepublish.

Yusuf al-Qaradawiy. (2009). *Fiqh keutamaan: Keutamaan tugas-tugas kaum muslimin (satu kajian baru dari perspektif al-Qur'an dan al-Sunah)*. (Ahmad Nuryadi Asmawi, Trans.). Batu Caves, Selangor: Thinkers's Library Sdn. Bhd. (Buku original diterbitkan 1999).

Yusuf al-Qaradawiy. (2013). *Fiqh keutamaan: Memahami peringkat amal melalui alQur'an dan as-sunnah*. (Abu Amal Ghafar, Trans.). Johor Baru, Johor: PerniagaanJahabersa. (Buku original diterbitkan 1999).

Yusuf al-Qaradawiy. 2014. *Fiqh keutamaan: Keutamaan seorang muslim*. (Lasafarudi Lahadi & Ahmad Muzakkir Ahlami. Trans.). Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd. (Buku original diterbitkan 1926).

Wahbat al-Zuhayliy. (2005). *Fiqh & perundangan islam jilid VI* (Terj. Ahmad Shahbari Salamon, et al.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

### *Jurnal*

Abd Wafi Has. 2013. Ijtihad sebagai alat pemecahan masalah umat Islam. *Epistemé*, 8(1).

Atikullah Abdullah. 2010. Konsep dan ciri-ciri *fiqh* lestari : ke arah mengarusperdanakan *fiqh* dalam kehidupan masyarakat. *Jurnal Syariah*. 18(3).

- Basri Husin. 2009. Beberapa aspek epistemologi: konsep, tabiat dan sumber-sumber ilmu dalam radisi Islam. *Jurnal Usuluddin*. 30(30).
- Fahmi Abdul Khir. 2010. *Fiqh al awlawiyat, konsep serta aplikasi masa kini*.
- Mohammad Fateh. 2013. Rekonstruksi pemikiran filsafat hukum Islam Hasbi Ash Shiddieqy (kajian metodologis). *Jurnal Hukum Islam*. 11(1).
- Nizaita Omar & Zulkifly Muda. 2014. Pengaplikasian kaedah *fiqh* dalam memperkasakan perpaduan bangsa. *MANU*. 20.
- Omar Hasan Kasule. 2009. *Epistemologi Islam dan integrasi ilmu pengetahuan pada universitas Islam: epistemologi Islam dan proyek reformasi kurikulum*.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Paizah Ismail, Shamsiah Mohamad, & Nor Hayati Md Dahlal. 2009. Konsep *fiqh* semasa dalam pembinaan tamadun Islam Malaysia: analisis kritikal. *Jurnal Fiqh*, 6(6).
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2002. Epistemologi hukum Islam: satu pengenalan. *Jurnal Usuluddin*, (14).
- Syaifuddin. 2011. Epistemologi *fiqh*: bagaimana *fiqh* diproduk. *Jurnal Falasifa*, 2(2).